

SULIT



**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2016

1223/1

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Nov./Dis.

2 jam

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. **Bahagian A** mengandungi **40** soalan. Jawapan anda hendaklah menggunakan ruangan jawapan yang disediakan di halaman 15.
3. **Bahagian B** mengandungi **empat** soalan subjektif. Jawab **tiga** soalan: **Soalan 1, Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan daripada **Soalan 3** atau **Soalan 4**. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam helaian tambahan yang disediakan.
4. Tulis **nombor kad pengenalan** dan **angka giliran** anda pada ruangan yang **disediakan di halaman 15**.
5. *Ceraikan kertas jawapan di halaman 15 daripada kertas peperiksaan. Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 15 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah



Bahagian A

[40 markah]

*Jawab semua soalan.***Soalan 1 hingga Soalan 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C dan D**. **Hitamkan** jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.

- 1 Pilih pernyataan yang **benar** akibat nifak terhadap individu.
 - A Melemahkan perpaduan.
 - B Menghilangkan kepercayaan.
 - C Mengganggu ketenteraman.
 - D Menghalang pembangunan.

- 2 Antara yang berikut yang manakah **bukan rukun taubat**?
 - A Menginsafi balasan Allah SWT.
 - ~~B~~ Menyesal terhadap maksiat yang dilakukan.
 - C Berhenti melakukan maksiat dengan segera.
 - D Berazam tidak akan mengulangi lagi kesalahan.

- 3 Semua yang berikut ialah golongan yang imannya boleh bertambah dan berkurang **kecuali**
 - A mukmin.
 - B ahlul bait.
 - ~~C~~ nabi dan rasul.
 - D al-Salafus soleh.

- 4 Pilih pernyataan yang **benar** mengenai syirik.
 - A Menolak hukum Allah SWT.
 - ~~B~~ Mempercayai perkara-perkara karut.
 - C Berpura-pura beriman kepada Allah SWT.
 - D Menyekutukan Allah SWT dengan makhluk.

- Riba
- Menipu
- Menyorok barang

- 5 Pernyataan di atas merujuk kepada perkara yang dilarang dalam urusan _____.
- A hutang-piutang
 - B gadaian
 - C jual beli
 - D sewa


Memberi perlindungan ke atas kematian dan hilang upaya.

- 6 Pernyataan di atas merujuk kepada _____.
- A saham
 - B gadaian
 - C insurans am
 - D insurans nyawa

- **Memperbaiki kelemahan dan kesilapan lalu.**
- **Menyatukan semula keluarga.**

- 7 Pernyataan di atas adalah hikmah _____.
- A talak
 - B rujuk
 - C fasakh
 - D idah
- 8 Perceraian antara suami isteri dengan bayaran tertentu ialah pengertian _____.
- A lian
 - ~~B~~ talak
 - C khuluk
 - D zihar

- 9 Tawaf rukun juga dikenali sebagai tawaf _____.
- A wadak
B ifadah
C sunat
D qudum
- 10 Pak Abu menjual buah langsungnya yang masih putik di pokok. Apakah hukum jual beli tersebut dalam Islam?
- A Sah.
B Tidak sah.
C Dilarang tetapi sah.
D Dilarang dan tidak sah.



- 11 P dalam rajah di atas ialah _____.
- A insurans
B saham
C hutang
D syarikat
- 12 Pilih langkah-langkah yang mesti dilakukan oleh suami mengikut ketentuan syarak dalam mendidik isteri yang nusyuz.
- I Memberi nasihat dengan hikmah
II Memisahkan diri dari tempat tidur
III Memukul dengan tujuan mendidik
IV Merujuk pakar kaunseling
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

13 Pilih pernyataan yang benar mengenai sebab HAMKA tersohor di nusantara.

- A Menentang gerakan Islah.
- B Semua karyanya difilemkan.
- C Membangkitkan semangat menentang British di Indonesia.
- D Sumbangan dalam bidang agama, falsafah dan kesusasteraan.

14 Kepincangan dalam pentadbiran kerajaan bani Umayyah telah menyebabkan rakyat _____.

- A murtad
- B memberontak
- C ditawan musuh
- D lari ke negara lain

- Al-Syeikh Muhammad Abduh
- Al-Syeikh Tahir Jalaludin
- Al-Sayid Jamaludin al-Afghani

15 Tokoh-tokoh di atas lebih terkenal dalam bidang _____.

- A sejarah
- B hadis
- C islah
- D falak

16 Antara yang berikut yang manakah dasar pentadbiran khulafa al-Rasyidin?

- I Rakyat wajib menjadi tentera
 - II Khalifah merupakan ketua negara
 - III Khalifah tidak mendapat hak keistimewaan mengatasi undang-undang
 - IV Gabenor dan pegawai dilantik berdasarkan kecekapan
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

17 Kitab *al-Alfiah al-Tibbiyah* ialah karya _____.

- A Ibnu Sina
- B Ibnu Rushd
- C Imam Ghazali rahimahullah
- D Imam Bukhari radiallahuanhu

- Dilahirkan di Asad Abad.
- Meninggal dunia pada tahun 1314H.
- Keturunannya bersambung dengan Imam al-Tarmizi.
- Pernah dilantik sebagai anggota Majlis Maarif di Istanbul.

- 18 Pernyataan di atas merujuk kepada _____.
- A al-Sayid Jamaluddin al-Afghani
 - B al-Sheikh Muhammad Abduh
 - C al-Sheikh Tahir Jalaluddin
 - D HAMKA
- 19 Puan Safiah memakai rambut palsu supaya tidak kelihatan uban rambut di kepalanya. Hukum perbuatan tersebut ialah _____.
- A sunat
 - B harus
 - C makruh
 - D haram
- 20 Perkara berikut adalah dilarang ketika menziarahi jenazah **kecuali**
- A makan dan minum di rumah si mati.
 - B tidak reda dengan takdir.
 - C meraung dan meratap.
 - D berbual-bual kosong.

Soalan 21 hingga Soalan 24


Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- 21 Maksud _____ ialah kembali taat setelah menyesal melanggar perintah atau larangan Allah SWT.
- 22 Menceritakan keburukan seseorang semasa ketiadaannya adalah pengertian _____.

Suami bersumpah empat kali berturut-turut.
“Aku bersaksi dengan nama Allah SWT bahawa tuduhan zina terhadap isteriku adalah benar”.

Isteri bersumpah empat kali berturut-turut.
“Aku bersaksi dengan nama Allah SWT bahawa tuduhan zina yang dibuat oleh suamiku terhadap diriku adalah dusta”.

- 23 Situasi di atas merujuk kepada proses _____.



- 24 Q dalam rajah di atas ialah _____.

Soalan 25 dan Soalan 26

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan.


Munafik	Khawarij	Kafir	Syiah Zaidiyah
---------	----------	-------	----------------

- 25 Orang yang menzahirkan keimanan dan menyembunyikan kekufuran di dalam hati ialah pengertian _____.
- 26 Beriktikad kedudukan pelaku dosa besar berada di antara keimanan dan kekufuran adalah pegangan kumpulan _____.

Soalan 27 dan Soalan 28, berdasarkan jadual di bawah.

Idah perceraian hidup		Idah perceraian kematian suami	
Status isteri	Tempoh idah	Status isteri	Tempoh idah
Tidak hamil	R	Tidak hamil	4 bulan 10 hari
Telah putus haid	3 bulan	Telah putus haid	S


- 27 R dalam jadual di atas ialah _____.
- 28 S dalam jadual di atas ialah _____.



- 29 T dalam rajah di atas ialah _____.
- 30 Maksud _____ ialah harta yang diperoleh daripada orang kafir harbi tanpa melalui peperangan.

Tokoh Y	
Tempat lahir	Tunisia
Jawatan	Ketua Hakim Negara di Mesir
Karya	Kitab al-Muqaddimah

- 31 Tokoh Y dalam jadual di atas ialah _____.
- 32 Kumpulan yang pada asalnya menyokong Saiyidina Ali bin Abi Talib berjuang menentang Muawiyah bin Abi Sufian tetapi tidak menerima Majlis Tahkim ialah _____.



- 33 Z dalam rajah di atas ialah _____.
- 34 Menziarahi dan menjaga orang sakit merupakan fardu _____.
- 35 Berpuasa selama 10 hari iaitu tiga hari di Mekah dan tujuh hari di kampung halaman ialah denda bagi jenis dam _____.

- Bersugi atau menggosok gigi
- Memakai bau-bauan
- Memilih pakaian yang sesuai

- 36 Pernyataan di atas merujuk kepada adab _____.

Soalan 37 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan dalam jadual di bawah.

korban	bercukur	akikah	wukuf	nasab	hadhanah
--------	----------	--------	-------	-------	----------

- 37 Daging sembelihan _____ tidak wajib disedekahkan kepada fakir miskin.
- 38 Rukun haji yang menjadi simbol membersihkan diri daripada segala sifat tercela pada diri seseorang ialah _____.
- 39 Hak penjagaan anak yang masih kecil yang belum mampu mengurus diri sendiri ialah _____.
- 40 Anak angkat tidak boleh dibinkan kepada bapa angkat kerana merosakkan _____ keluarga.

Bahagian B

[60 markah]

Jawab **tiga** soalan.Jawab **Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan daripada Soalan 3 atau Soalan 4.**

- 1** (a) Antara perkara yang membatalkan iman ialah riddah.
- (i) Nyatakan maksud riddah. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** cara seseorang boleh menjadi murtad. [4 markah]
 - (iii) Jelaskan mana-mana **dua** maksud bagi istilah berikut:
 - (a) Kafir
 - (b) Mulhid
 - (c) Fasiq[4 markah]
- (b) Memakan harta anak yatim termasuk dalam dosa-dosa besar yang wajib dihindari.
- (i) Apakah maksud harta anak yatim? [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** sebab Islam melarang memakan harta anak yatim. [4 markah]
- Ali seorang hartawan yang berjaya telah meninggal dunia dan meninggalkan dua orang anak berusia dua dan lima tahun.**
- (iii) Sebagai bapa saudara dan orang yang bertanggungjawab terhadap mereka, terangkan perkara yang patut anda lakukan untuk membela nasib kedua-dua anak tersebut. [4 markah]
- 2** (a) Hutang mempunyai rukun-rukun tertentu.
- (i) Nyatakan **dua** rukun tersebut. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** perbezaan hutang dan riba. [4 markah]
 - (iii) Terangkan **dua** hikmah Islam mengharuskan hutang. [4 markah]
- (b) Antara rukun nikah ialah saksi.
- (i) Senaraikan **dua** syarat saksi. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** peranan saksi nikah. [4 markah]
- (c) (i) Nyatakan **dua** golongan perempuan yang haram dikahwini disebabkan penyusuan. [2 markah]
- (ii) Encik Daud berpoligami dengan mengahwini adik isterinya. Nyatakan hukum dan alasan. [2 markah]

- 3 (a) Kerajaan bani Umayyah berjaya menjadi kuasa besar yang dapat memartabatkan tamadun Islam di samping mempunyai kedudukan ekonomi yang kukuh.
- (i) Nyatakan **dua** sumber kewangan yang menjadi hasil negara pada zaman tersebut. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** faktor kegemilangan tamadun Islam pada ketika itu. [4 markah]
- (b) HAMKA merupakan tokoh ulama di nusantara yang menghasilkan karya dalam pelbagai bidang.
- (i) Nyatakan **dua** karya beliau. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan bukti kegigihan perjuangan HAMKA dalam mengembangkan dakwah Islamiah. [2 markah]
- (c) Alam sekitar merupakan tanda kewujudan dan kebesaran Allah SWT dan umat Islam dituntut memeliharanya daripada tercemar.
- (i) Nyatakan **dua** bentuk pencemaran yang berlaku. [2 markah]

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ ...

Maksud:

Telah berlaku pelbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang dilakukan oleh tangan-tangan manusia ...

(Surah ar-Rum: 41)

- (ii) Berdasarkan ayat di atas, kerosakan alam sekitar disebabkan oleh perbuatan dan sikap manusia itu sendiri.
Huraikan hujah anda untuk menyokong pernyataan tersebut. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** usaha untuk mengatasi masalah pencemaran alam. [4 markah]

- 4 (a) Perkembangan pendidikan merupakan asas terpenting pada zaman pembinaan kerajaan bani Abbasiyah.
- (i) Nyatakan **dua** institusi pendidikan pada zaman tersebut. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** faktor utama perkembangan ilmu pengetahuan pada zaman tersebut. [4 markah]
- (b) Imam al-Ghazali rahimahullah adalah tokoh pemikir Islam yang terkenal.
- (i) Senaraikan **dua** karya agung beliau. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan sumbangan beliau dalam perkembangan ilmu. [2 markah]
- (c) (i) Nyatakan maksud berniaga menurut syarak. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** akibat mengabaikan adab-adab dalam perniagaan. [4 markah]

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ
وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

Maksud:

Jikalau sekiranya penduduk negeri-negeri beriman dan bertaqwa, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka keberkatan dari langit dan bumi tetapi mereka mendustakan (ayat-ayat Kami) itu, maka Kami seksa mereka disebabkan perbuatannya.

(Surah al-A'raf: 96)

- (iii) Merujuk kepada ayat di atas, huraikan bagaimana mendapatkan keberkatan dalam perniagaan. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT